

TR 1:7:75

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PERTAHANAN DI UPACARA HARI  
TLDM DI PENGKALAN TLDM DI WOODLANDS  
PADA 4HB JULAI, 1975

Y.A.B. Menteri Besar Johor<sup>1</sup>, Ketua Tunis Angkatan Tentera<sup>2</sup>,  
Ketua Tunis Tentera Laut<sup>3</sup>, Pegawai-pegawai dan laskar-laskar  
Tentera Laut Diraja Malaysia, Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan sebahagian besar daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Tentera Laut Diraja Malaysia pada hari yang berbahagia ini bersempena dengan perayaan Hari Tentera Laut Malaysia.

Walaupun hari yang sebenarnya ialah 1 haribulan Julai, tetapi perayaan telah ditangguhkan kepada hari ini oleh kerana beberapa sebab seperti yang telah disebutkan oleh Ketua Tunis Tentera Laut tadi. Pada masa-masa yang lampau, saya telahpun datang ke pengkalan utama ini, tetapi lawatan pada kali ini adalah sangat istimewa kerana bertepatan dengan hari ulangtahun TLDM yang ketujuh belas yang juga menandakan TLDM telah mencapai peringkat dewasa.

Negara kita pada masa ini sedang melaksanakan pembangunan ekonomi yang pesat dan meluas bagi memenuhi cita-cita setiap rakyat negara ini. Tetapi pembangunan akan sia-sia sahaja jika keadaan keselamatan tidak terjamin dan kestabilan tidak dikekalkan setiap masa. Dalam hubungan ini, Tentera Laut sebagai satu cabang penting Angkatan Bersenjata bertanggungjawab menjamin kedaulatan negara supaya setiap rakyat akan berpeluang mengambil bahagian serta menerima faedah dari usaha-usaha pembangunan yang sedang dijalankan serta menikmati hasil dari kemajuan yang telah kita capai hingga hari ini.

**1 Y.A.B. Tan Sri Datuk Othman Saat**

**2 Y.B. Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail.**

**3 Laksmana Muda Datuk Thanabalasingam.**

Seperti kita sedia maklum, kawasan pantai dan perairan Malaysia sangatlah luas dan tanggungjawab raengawalnya dengan cara yang berkesan memerlukan banyak tenaga serta alat-alatan yang sempurna. Kerajaan sedar akan hal ini dan kita sentiasa menyesuaikan keperluan-keperluan kita itu dari semasa ke semasa. Pembangunan Angkatan Laut peringkat pertama sudahpun selesai dan kita memasuki peringkat kedua yang termasuk juga pembinaan Pengkalan Utama yang baru di Lumut dan Pengkalan Tambahan di Kuantan.

Saya puashati dengan tindakan dan usaha yang cemerlang dalam menguruskan masalah orang-orang pelarian dari Khmer dan Vietnam Selatan, membersihkan tumpahan minyak di Selat Melaka di samping tugas routine menghalang rompakan-rompakan di laut. Begitu juga dengan aktiviti lain seperti kerja menyelamatkan jiwa di laut, mengkaji dasar-air, mencari dan menyelamatkan mereka yang bertemu kemalangan di laut.

Dengan adanya pula usaha mencarigali minyak di dasar laut, sudah tentu tugas-tugas dan tanggungjawab Tentera Laut akan semakin bertambah, namun saya yakin tanggungjawab yang bertambah ini dapat dijalankan dengan cekap dan memuaskan. Untuk tujuan ini, Tentera Laut Diraja Malaysia akan diperbesarkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan kapal-kapal serta alat-alat yang sudah lama akan diganti dengan kapal-kapal dan alat-alat yang lebih moden.

Saudara-saudara sekalian,

Pembinaan Pengkalan Tentera Laut Diraja yang baru di Lumut sedang berjalan dengan lancarnya dan pengkalan ini akan mempunyai segala kemudahan yang lebih baik daripada yang ada sekarang. Di Pengkalan Kuantan juga akan diadakan kemudahan-kemudahan moden bagi Tentera Laut. Kedua-dua pengkalan ini, beserta dengan pengkalan-pengkalan yang sedia ada di Tawau, Labuan dan Rajang yang baharu sahaja siap, membolehkan Tentera Laut Diraja memberikan khidmat yang baik dan sempurna.

Di masa lalu, seringkali saya katakan betapa perlunya bekerja rapat di antara satu dengan lainnya dan seterusnya Tentera Laut mestilah berhubung rapat dengan Polis Laut, Jabatan Kastam, Imigresen, Perikanan dan lain-lain yang mempunyai tugas keselamatan dan kepentingan negara.

Saya berpuashati juga dengan peranan T L D M memberikan bantuan lojistik dan pengangkutan di perairan kita mahupun di laut dan di sungai terutama untuk Pasukan Keselamatan kita yang menjalankan gerakan di Sarawak. Jabatan Kajiukur Dasar Laut juga mendapat kerjasama dalam kerja-kerja mengukur di Selat Melaka yang dijalankan bersama oleh empat negara dan saya turut berbangga dengan kemajuan dan kejayaan tugas-tugas yang dijalankan itu. Ahli-ahli kajiukur dasar laut akan menghadapi tugas-tugas yang begitu berat melengkapkan lagi carta, pelabuhan, sungai dan laut di sekeliling kita dan tentulah mereka berkehendakkan bantuan dan kerjasama yang lebih banyak dari T L D M di masa hadapan.

Dalam hubungan ini, kita telah mengambil langkah membina sebuah kapal-ukur yang "sophisticated" yang beratnya lebih kurang 1,000 tan dengan harga sebanyak \$33 juta. Kapal ini akan mempunyai alat-alat paling moden termasuk pandu-arah satelit dan penentuan kedudukan dan haidroplot. Kapal ini adalah sangat perlu dalam kerja-kerja mengukur dasar lautan dan ini membolehkan Jabatan Jurukur dan Tentera Laut Diraja Malaysia menjalankan tugas-tugas dengan lebih tepat dan mendalam.

Saudara-saudara sekalian,


Kemajuan Tentera Laut dalam tempoh lima tahun terakhir ini sungguh membanggakan. Tentera Laut Diraja Malaysia telah masuk ke zaman peluru berpandu dalam awal tahun 70an dan sekarang ini memiliki dua Skwadran Surface To Surface Missile Boat dan sebuah Frigate peluru berpandu. Sungguhpun Tentera Laut Malaysia tidak begitu besar, namun kita berbangga dengan kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai hingga hari ini. Disiplin yang tinggi adalah satu perkara yang semestinya diamalkan dan dikekalkan setiap masa.

Sempena Hari Tentera Laut, patut juga saya sebutkan perkhidmatan yang tidak kurang pentingnya oleh Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia. Sumbangan Pasukan Simpanan kepada Tentera Laut dan Negara tidak ternilai dan saya gembira melihat kemajuan pasukan ini yang termasuk juga anggota wanita.

Saudara-saudara sekalian,

Semasa kita berusaha mencapai kemajuan dalam segala bidang pembangunan, terdapat anasir-anasir yang berusaha untuk mengganggu kemajuan dan merosakkan perpaduan. Dalam hal ini, seluruh anggota Angkatan Tentera mestilah sentiasa berusaha menghancurkan percubaan anasir-anasir jahat ini dan menghapuskan mereka.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa mudah-mudahan Allah memberikan perlindunganNya kepada kita setiap masa dan TLDM akan terus berjuang demi keselamatan dan kedaulatan Negara.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sedang memeriksa barisan Kehormat Tentera Laut Di Raja Malaysia di Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Woodland Singapura pada 4hb Julai, 1975